

Kepentingan penjagaan sumber air

BUKIT SENTOSA - Masyarakat harus sedar mengenai kepentingan penjagaan sumber air dan mengelak sebarang aktiviti yang mampu mengakibatkan pencemaran sumber itu.

Sedar mengenai kepentingan itu, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dengan kerjasama Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) melaksanakan Program Kesedaran Pengurusan Sumber Air bersama penduduk setempat.

Pengarah program, Haslina Amer berkata, ia bertujuan memberi pendedahan kepada peniaga dan penduduk setempat mengenai kepentingan menjaga sumber air di kawasan tersebut.

"Program kesedaran ini adalah kesinambungan projek demonstrasi Luas dan JPS mengenai Pengurusan Air Hujan dan Air Sisa Menggunakan Sistem Rawatan Ekologi Berpusat untuk Aliran Cuaca Kering (Dry Weather Flow) yang telah dijalankan di Bukit Sentosa.

"Pemilihan kawasan ini kerana mempunyai kawasan komersial yang berpusat dan menjadi salah satu punca utama pencemaran sumber air se-



Tukiman (tiga, kanan) memotong reben sebagai simbolik perasmian..

lain menjayakan aktiviti Luas dalam pelaksanaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor Bersepadu (IRBM Sungai Selangor) serta selari dengan Polisi Dua (2) iaitu 'Memastikan Air Bersih,' katanya.

Perasmian program tersebut telah disempurnakan Yang Dipertua MDHS, Tukiman Nail mewakili Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong.

Haslina berkata, program itu juga

dapat mendidik masyarakat dengan menjelaskan peranan mereka dalam membantu mengawal pencemaran air di kawasan tersebut serta memastikan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor dilaksanakan mengikut polisi dan strategi-strategi yang digariskan.

Beliau berharap, program itu dapat memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan pemeliharaan sumber air di kawasan Bukit Sentosa sekali gus menyokong pelaksanaan IRBM di Selangor.